Rasalah degup jantung rakyat, bacalah

# NADI INSAN

FEBRUARI 1983 KDN: 0285/83 ISSN 0126-9369 50 SEN SAJA

46




## INCREDIBLE HARRY

- Skandal Tanah 'Mimaland'
- Pembuangan Pekerja Meningkat
- Nasionalisme & Hubungan Antara Kaum
- Thai Society in Crisis
- 'Reds': Romance of the Russian Revolution

Dalam Kenangan Ahmad Boestamam



Penerbit
Institut Analisa Sosial (INSAN)

Rekabentuk:
Mahakarya (M) Sdn. Bhd.

Pencetak
Champion Printers Sdn. Bhd.

## Allahyarham Ahmad Boestamam: Pejuang Tanahair yang Gigih



**Sepanjang** hayatnya, Ahmad Boestamam dikenali sebagai seorang nasionalis, radikal dan militan.

Beliau yang pernah ditahan 3 kali dalam penjara kerana kepercayaannya pernah menulis, "Sekiranya seorang yang gigih menentang penjajahan dan imperialisma untuk membebaskan tanahair sepenuhnya digelar pelampau, maka saya berbangga dengan gelaran itu."

Demikianlah sikap Ahmad Boestamam (lihat **NI** 18. Nov. '80) yang tidak pernah berganjak sedikitpun dari tujuannya. Selama empat dasawasa beliau tidak asing dari pergerakan kebangsaan dan politik sayap kiri. Di samping itu, beliau juga seorang wartawan, penyajak dan novelis terkemuka.

Ahmad Boestamam mula muncul dalam dunia politik sebagai pemberita untuk **Suara Rakyat**, lidah resmi Parti Kebangsaan Melayu Malaya yang ditubuhkan selepas zaman Jepun untuk menentang penjajahan British. Kemudian, beliau telah dilantik menjadi setiausaha-agungnya.

Setelah mendapat ilham daripada perjuangan rakyat Indonesia menentang Belanda, Ahmad Boestamam menubuhkan pergerakan pemudanya dengan nama **Angkatan Pemuda Insaf.**

API dengan coganKata **"Merdeka Dengan Darab"** telah dipimpin oleh Ahmad Boestamam selama hampir 2 tahun sebelum pihak British mengharamkannya.

Pada 1hb Julai 1948, beliau telah ditahan atas tuduhan menghasut selama 7½ tahun.

Apabila dilepaskan pada 1955, Ahmad Boestamam telah menubuhkan Parti Rakyat Malaya dengan matlamat mendirikan sebuah negara sosialis.

Bagi menghadapi pilihanraya 1959, Parti Rakyat telah bergabung dengan Parti Buruh di bawah bendera Fron Sosialis dengan Ahmad Boestamam sebagai pengerusi.

Beliau telah memenangi kerusi Dewan Rakyat di Setapak, Kuala Lumpur. Bagaimanapun Arwah telah meletak jawatan sebagai ketua Fron Sosialis untuk menumpukan perhatian penuh kepada Parti Rakyat. Apabila penubuhan Malaysia dicadangkan, beliau menerimanya "pada dasarnya" tetapi telah ditahan juga di bawah AKDN(ISA) bersama Allahyarham Dr. Burhanuddin, Allahyarham Hasnul Hadi, Ishak Hj. Mohamed (Pak Sako) dan Aziz Ishak.

Arwah selalu melawat Indonesia dan Brunei dan pernah mencadangkan persekutuan yang merangkumi Indonesia, Malaya dan Filipina.

Semasa dalam penjara, beliau telah menulis 4 buah novel, mengambil peperiksaan H.S.C. dan belajar Bahasa Mandarin.

Kemudian, beliau keluar dari Parti Rakyat dan seterusnya menubuhkan Parti Marhaen. Pada tahun 1974, partinya bercantum dengan Pekemas pimpinan Dr. Tan Chee Khoon.

Selaku naib-presiden Pekemas, beliau kalah dalam pilihanraya 1978 di Hilir Perak. Pada bulan Ogos tahun itu, Ahmad Boestamam meninggalkan Pekemas. Beliau akhirnya kembali ke Parti Rakyat sebagai ahli biasa pada Julai 1980.

Sejak itu, beliau menghabiskan masa menulis sajak dan rencana surat khabar.



Boestamam, Lim Chin Siong, Said Zahari

# MIMALAND MELANGGAR UNDANG-UNDANG

## Siapakah yang Melindunginya?

Satu siasatan telah diadakan baru-baru ini untuk menyiasat satu kejadian kemalangan di kolam renang Mimaland di mana kanak-kanak sekolah berusia 14 tahun, Tang Boey telah mati lemas. Keputusan Mahkamah adalah Boey telah mati nahas.

Koroner Shamsuddin bin Haji Nawawi menyalahkan Mimaland kerana tidak mengadakan **lifeguard** yang berkebolehan dan jumlah **lifeguard** yang ada pula tidak mencukupi. Penyeliaan di kolam renang tersebut juga tidak memuaskan.

Lifeguard Jumaris Sabaruddin mungkin dapat menyelamatkan Boey sekiranya ia ada di tempat kerjanya; kata Encik Shamsuddin.

"Sebaliknya ia berada di bilik pump dan tidak menjalankan tugas sebagai **lifeguard**", tambahnya lagi.

Dalam keputusannya, Encik Shamsuddin mengesyorkan supaya pengurusan Mimaland mengambil lebih banyak **lifeguard.**

"Mimaland mungkin mementingkan wang, tetapi wang itu bukan semua. Nyawa tidak boleh dibeli", kata beliau.

Koroner tersebut juga mengkritik wakil-wakil pengurusan Mimaland mengenai kejahilan mereka tentang sama ada kolam renang tersebut mempunyai Sijil Kelayakan.

Di bawah Undang-undang Kecil Kerajaan Tempatan, tempat-tempat hiburan seharusnya mempunyai Sijil Kelayakan daripada pihak berkuasa tempatan atau kerajaan negeri sebelum dibuka kepada orang awam.

Penyiasatan dalam perkara ini menunjukkan bahawa bukan sahaja kolam renang, tetapi semua bangunan-bangunan di kompleks Mimaland tidak mempunyai sebarang sijil kelayakan.

Siasatan di Pejabat Tanah Gombak telah mendedahkan fakta-fakta yang menggemparkan.

Pertama, tanah di mana kompleks Mimaland berdiri jatuh di bawah kategori 'penggunaan pertanian' dan syarat-syarat yang dikenakan sewaktu hak milik tanah tersebut diberikan adalah seperti berikut:—

i) "Tanah yang diberi milik di sini harus dipelihara dalam keadaan semulajadinya;

ii) "Tiada bangunan atau binaan tetap atau separuh tetap boleh didirikan tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada pihak berkuasa Negeri."

Pengurusan Mimaland tidak mempunyai suatu sijil penukaran yang membenarkan tanah tersebut di majukan.

Selain dari perbuatan ini yang salah dari segi undang-undang tersebut, kerajaan juga telah mengalami oleh sebab hasil penilaian yang dikenakan kepada Mimaland berdasarkan tanah pertanian adalah yang lebih rendah nilainya.

Kompleks Mimaland juga tidak mempunyai pengesahan Jurutera Negeri, pengesahan Perancang Bandaraya dan pengesahan Exco Negeri.

Tiada permohonan yang telah dibuat kepada pihak berkuasa berkenaan untuk mendirikan sebuah pusat hiburan.

(N.L.C. 20A—Pin. 2/76)

ALINAN ASAL YANG SAH DIAKUI

*Kanun Tanah Negara*

PENDAFTAR GERAN2 TANAH NEGRI SELANGOR

BORANG 11 A

(Seksyen 177)

(Hakmilik Sementara Bersamaan dengan Hakmilik dalam Pejabat Pendaftaran)

DAFTAR H.S.: Daerah ....Gombak.... No. H.S. (D) ....1767....

Negeri ....Selangor....

### SURATAN HAKMILIK SEMENTARA

JENIS PENGGUNAAN TANAH: *PERTANIAN/BANGUNAN/PERUSAHAAN

*~~Bandar/Pekan~~/Mukim ....Setapak....

*~~Geran untuk selama-lamanya~~ .... No. P.T. ....A....

*Lease selama tempoh ....99.... tahun — Luas Sementara ....163 ekar....

Habis tempoh pada ....7.6.2069.... — Cukai Tahunan $ ....163.00....

SYARAT-SYARAT KHAS HAKMILIK SEMENTARA

1. Hakmilik ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara dan kepada syarat-syarat nyata dan sekatan-sekatan yang berikut:

SYARAT-SYARAT NYATA

(i) The land hereby alienated shall be preserved in its present natural state.

(ii) No permanent or semi-permanent buildings or structures shall be constructed without prior approval of the State Authority

# Pekerja Estet Dibuang Kerja Selepas 20 Tahun




Bantahan Pekerja Di estet Hong Kong

Seramai 40 pekerja menganggur selepas bekerja selama 20 tahun di sebuah ladang di Puchong. Mereka sekarang hampir kehilangan tempat tinggal mereka pula.

Pekerja-pekerja Ladang Hong Kong yang diberi surat berhenti kerja pada 2hb Disember tahun lalu telah mula memprotes pada 1hb Januari di hadapan pintu masuk ladang, tetapi telah membatalkan usaha ini 3 hari kemudian apabila Senator M. Mahalingam meyakinkan mereka yang dia akan membawa hal ini kepada pihak majikan ladang itu.

Seorang jurucakap untuk pekerja-pekerja itu, M. Perumal berkata, surat penghentian itu menyatakan mereka akan diberi saguhati mengikut faedah-faedah Ordinan Pekerjaan, iaitu gaji 20 hari untuk setiap tahun perkhidmatan.

Mereka juga telah diberitahu yang ladang itu telah dijual kepada sebuah syarikat perlombongan timah dan mereka dihendaki meninggalkan tempat tinggal mereka sebelum akhir bulan ini.

Walaupun demikian, pekerja-pekerja itu merasa bahawa wang pampasan yang ditetapkan tidak mencukupi dan telah menunjukkan perasaan sebagai tanda protes di pintu kemasukan ladang itu.

Perumal berkata "Apa yang kami minta adalah hanya sebuah lot tanah untuk membina rumah. Kebanyakan dari kami telah bekerja lebih dari 20 tahun, dan adalah sukar bagi kami untuk mencari pekerjaan baru serta rumah sekali, dan adalah adil jika pihak majikan menyediakan lot tanah untuk kami."

Ladang ini seluas 266 hektor tanah terdiri dari getah dan kelapa sawit. Perumal berkata apabila mereka menghadapi pihak majikan mengenai wang saguhati, mereka telah diberitahu bahawa mereka akan menerima pampasan berhanti kerja mengikut apa yang ditetapkan oleh Persatuan Pengusaha Pertanian Malaysia (MAPA). Akan tetapi, sehingga kini, mereka tidak menerima apa-apa pun.

Perumal juga berkata, mereka belum lagi mendengar apa-apa dari perbincangan yang dijanjikan oleh Senator Mahalingam.

Seorang pekerja yang terlibat, Puan I. Tayar, yang bekerja selama 33 tahun di ladang itu sebagai seorang penoreh dan mempunyai 8 orang anak, amat bimbang tentang pendidikan anak-anaknya jika mereka disuruh keluar dari rumah mereka.

Puan Tayar berkata yang dia mengharapkan pihak majikan akan menyediakan lot tanah untuk keluarga-keluarga yang terlibat supaya mereka boleh tinggal di kawasan itu dan mencari pekerjaan baru.

Encik Eng Chim, 52 tahun, yang telah berkhidmat selama 23 tahun dalam ladang itu, terkejut apabila menerima surat berhenti kerja dari majikan pada 2hb Disember.

Dia berkata pihak estet tidak mengatakan apa-apa pun tentang penjualan sebelum ketika itu.

Encik Eng, yang juga mempunyai 8 orang anak, berkata bahawa kehidupannya sekarang menghadapi masa depan yang malap.

Encik Perumal berkata pekerja-pekerja itu akan menunjuk perasaan sehingga pihak majikan memberi pampasan yang lebih adil. Pengurus ladang pula tidak mahu memberi sebarang alasan.

# Para Pekerja Membantah Penindasan Syarikat Tekstil

Lebih-kurang 500 buruh membantah sikap kilang-kilang tekstil di Perai yang mengambil kesempatan kemelesetan dunia untuk menindaskan lagi kaum pekerja.

Wakil-wakil dari 17 buah kilang tekstil di negeri Pulau Pinang bercadang menunjuk perasaan di pejabat Kesatuan Sekerja Tekstil Pulau Pinang dan Seberang Perai (KST).

Setiausaha agung KST, M. Ramachandran mengatakan bahawa setengah majikan sedang mengambil kesempatan untuk membuang para pekerjanya.

Misalnya, Syarikat Palace Garment di Kawasan Perusahaan Mak Mandin di Seberang Perai telah menamatkan operasinya serta membuangkan 150 orang pekerja.

Menurut Ramachandran, baru-baru ini, kesatuannya berjaya menambahkan gaji harian untuk para pekerja dari lebih kurang $3 kepada $7.

Tiba-tiba, majikan mengumumkan akan menutupkan kilang oleh kerana sewa bangunannya telah tamat dan juga kerana kemelesetan dunia, ia bertambah.

Menurut Ramachandran, syarikat ini akan memindahkan operasinya ke dua buah kilang cawangannya di Bukit Mertajam dan Nibung Tebal di mana para pekerja tidak menganggotai kesatuan dan sanggup dibayar lebih kurang $3.50 sehari sahaja.

Oleh yang demikian, syarikat ini telah menutup kilangnya di Mak Mandin bagi mengelakkan membayar gaji-gaji yang lebih tinggi kepada pekerja anggota kesatuan.

Dalam satu kes lagi, Kilang Tenun MWE di Bukit Mertajam telah memberhentikan secara sementara 250 orang pekerjanya sehingga 31hb Januari.

Beliau berkata, syarikat ini membayar para pekerjanya gaji untuk 12 har sahaja untuk tempoh ini.

Pekerja-pekerja ini berada dalam dilema. Mereka tidak boleh hidup dengan gaji yang begitu rendah. Jika mereka berhenti kerja untuk mencari pekerjaan lain, mereka tidak akan mendapat "saguhati pembuangan"

Ramachandran mengatakan bahawa kesatuannya telah meminta Syarikat Tenun MWE membuang para pekerjanya, tetapi syarikat itu enggan membuat demikian bagi mengelakkan membayar saguhati pembuangan.

# Kumpulan Wang Simpanan Membebankan Pekerja




Para pekerja yang berpendapatan rendah dan menengah yang menyumbang kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF) dan tabung-tabung cagaran sosial sebenarnya sedang membekalkan subsidi untuk kegiatan-kegiatan ekonomi kerajaan, menurut seorang pegawai kanan Bank Pembangunan Arab-Malaysia, Dr. R. Thillainathan.

Beliau berkata satu beban yang tidak patut ditanggung oleh sebahagian dari masyarakat kerana golongan lain tidak memberi sumbangan yang sama untuk membiayai perbelanjaan kerajaan.

# Mini-Estet RISDA Terbengkalai

Seramai 76 penduduk Kg. Tanjung Rimau Luar di Alor Gajah gagal mendapat bantuan selepas menyertai rancangan mini-estet Risda dua tahun lalu.

Mereka dijanjikan $100/- sebulan dan hingga kini, hanya 28 orang sahaja yang mendapatnya. Mereka yang bernasib baik ini mendapatnya mulai tahun 1982 tetapi elaun untuk tahun 1981 entah ke mana.

Antara mereka yang sedang menunggu ialah seorang janda tua berumur 70 tahun bernama Mak Cik Sabi Mat Derus. Beliau hidup dengan menjual kuih-muih dan sumbangan dari cucunya yang bekerja di Singapura sebanyak $30/- sebulan.

Saudara-maranya yang masih hidup adalah cucu seorang ini yang sudah berkeluarga dan kadangkala tidak mampu menghantar wang itu.

Makcik Sabi telah menyertai rancangan mini-estet in 3 tahun dahulu tetapi sejak itu tidak mendapat sesen pun. Pokok-pokok getah yang ditanam atas tanahnya "baru besar ini," kata nenek sambil menunjuk jari kelengkengnya. "Kalau nenek tanam sendiri pokok itu sudah tinggi."

Sebelum ia memasuki rancangan itu, ia boleh menyara diri sendiri tanpa berhutang. Sekarang Makcik Sabi hendak makan tidak cukup dan hutang-hutang tidak terbayar.

Ia hidup dengan belaskasihan orang-orang kempung. Selain darinya, terdapat 17 orang lagi janda tua yang miskin dan hidup berseorangan yang menyertai rancangan itu.

# 30% Kanak-kanak Malaysia Kurang Makanan



Mangsa-mangsa Kekurangan Makanan

Menurut laporan Unicef, setiap hari pada tahun 1981, lebih dari 40,000 kanak-kanak telah mati kerana kekurangan makanan dan sakit.

Bagi setiap kanak-kanak yang mati, 6 lagi hidup dalam kelaparan dan kesakitan yang akan meninggalkan cacatnya seumur hidup.

Bagi Malaysia, antara 20-30% kanak-kanak di desa dan kawasan setinggan tidak mendapat makanan yang cukup, mengikut Puan Zaitun Hashim, seorang pensyarah UPM.

Akibatnya, kanak-kanak malang ini tidak cukup berat, terbantut dan menunjukkan riak-riak kurang beberapa jenis vitamin.

Selain dari itu, satu-pertiga dari murid-murid sekolah di desa menunjukkan kesan-kesan tidak cukup darah dan diserang oleh berbagai penyakit cacing dalam perut.

Lantaran itu, mereka tidak akan membesar sepenuhnya. Setengah ibu-ibu yang menyusukan anak-anak mereka didapati kekurangan darah oleh kerana kurang zat lain.

Puan Zaitun seterusnya menyeru supaya penjualan makan-makan yang merbahaya atau tidak berzat dihalang serta penggunaan baja dan racun racun dalam pertanian dikawal.

Walaupun terdapat undang-undang yang mengawal mutu makanan, tetapi penguatkuasaannya tidak memuaskan.

Sebuah keluarga di Malaysia membelanja lebih kurang 36.2% daripada pendapatannya untuk makanan, dan angka ini meningkat di masyarakat desa.

Ibu-ibu di bandar membeli lebih banyak ikan, sayuran, daging dan buah-buahan daripada ibu-ibu di desa yang selalu menghidangkan lebih banyak nasi.

Akhirnya, Puan Zaitun menunjukkan bahawa di kalangan golongan miskin, khususnya dalam keluarga besar, kanak-kanak mereka selalunya kekurangan makanan.

# Penjimatan Mengorbankan Kesihatan

Kenaikan kos rawatan hospital baru-baru ini telah menyebabkan ramai pesakit cepat-cepat balik ke rumah mereka sebelum betul-betul sembuh. Mereka amat bimbang tentang jumlah pembayaran yang akan dikenakan.

Sebagai misalan, bayaran sehari ialah $1.50 bagi Wad Kanak-kanak. Sebelum dimasukkan kos X-ray, ujian kencing serta darah dan lain-lain, perbelanjaan bagi rawatan 2 minggu boleh meningkat $200/-.

Namun, jurucakap Hospital Besar Kuala Lumpur berkata bahawa tidak ada pesakit yang ditolak oleh kerana ketiadaan wang.

Sebanyak satu perempat dari mereka yang datang setiap hari (100-300 orang) tidak mampu membayar segera oleh kerana beberapa sebab.

**Masalah Jururawat Baru**

Satu lagi kesan penjimatan perbelanjaan kerajaan ialah ramai jururawat baru terpaksa menunggu berbulan-bulan untuk mendapatkan kerja.

Sebelumnya, mereka boleh lama bekerja di hospital latihan sehingga mereka ditempatkan. Oleh kerana langkah ini, mereka tidak akan dibayar gaji semasa menganggur.

**Pesakit Jiwa Jadi Mangsa**

Hospital Bahagia di Tanjung Rambutan terpaksa mengurangkan perkhidmatan rawatan luar hospital bagi pesakit-pesakit jiwa.

Di bawah perkhidmatan ini, beberapa pelawat dari hospital mengunjungi rumah para pesakit dalam jarak 16 kilometer.

Langkah baru ini memerlukan keluarga masing-masing membawa pesakit itu ke hospital di Tanjung Rambutan.




# Parti Pembangkang Kecil Menyusun Barisan

Tiga parti kecil – yang terdiri dari Barisan Rakyat, Parti Demokratik Sosialis dan Parti Pekerja – telah mencapai persetujuan untuk membentukkan satu parti gabungan.

Persetujuan telah dicapai setelah wakil-wakilnya berjumpa di Petaling Jaya. Mesyuarat itu telah dipengerusikan oleh bekas ahli DAP, Encik Fan Yew Teng yang juga dianggap sebagai dalang di belakang pelancaran parti baru itu.

**Pemerhati**

Setiausaha Agung Barisan Rakyat, Abu Samah Majid, yang menghadiri mesyuarat ini, berkata sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan di bawah Encik Fan.

Jawatankuasa ini akan menyusun kegiatan sebelum sebuah jawatankuasa sementara ditubuhkan. Suatu mesyuarat akan diadakan pada 23 Januari di Pulau Pinang untuk menubuhkan parti itu.

Encik Abu Samah berkata nama parti baru akan diambil dari salah satu dari tiga nama parti tersebut. Dan selepas sahaja nama parti tersebut ditentukan, kedua parti lain akan dibubarkan.

Mengikut Encik Abu Samah lagi, adalah perlu bagi sebuah parti pembangkang berkesan dalam negeri untuk memainkan peranan sebagai pengawal berkesan terhadap kerajaan masakini, beliau tidak mempunyai kepercayaan terhadap parti-parti pembangkang yang ada kerana mereka selalunya mengalami pertelingkahan dalam parti.

# Hanya Tiga Estet Membina Rumah untuk Pekerjanya

Sekim pemilikan rumah kos rendah untuk pekerja estet telah diperkenalkan 8 tahun lalu, tetapi sehingga ini, hanya 3 ladang getah dalam negara ini telah melaksanakannya.

Ladang-ladang ini adalah Ladang Batang Berjuntai di Selangor, Ladang Sungai Siput di Perak dan Ladang Kuala Ketil di Kedah.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga, Datuk Haji Zakaria Abdul Rahman mengatakan bahawa kerajaan memperkenalkan sekim ini untuk membolehkan pekerja-pekerja ladang memiliki rumah-rumah sendiri.

Di bawah sekim ini, estet menyediakan kawasan-kawasan pembinaan yang sesuai dalam kawasan estet untuk membina rumah untuk pekerjanya.

# Sekim Pemilikan Rumah Pekerja: Majikan Tidak Jujur

Sikap acah pemilik-pemilik eset adalah batu penghalang terhadap cita-cita pekerja untuk mempunyai rumah, Kesatuan Sekerja Ladang-ladang Kebangsaan (NUPW) mengatakan.

Pengarah penyelidikannya, Encik N. Krishnan mengatakan, para tuan punya estet tidak jujur dalam usaha sekim pemilikan rumah para pekerja.

Ia mengatakan tidak banyak langkah telah diambil untuk melaksanakan rancangan pemilikan rumah yang dianjurkan di bawah pemerintahan Allahyarham Tun Abdul Razak pada tahun 1975.

Hanya lebih kurang 20 dari 1,800 estet, yang melibatkan lebih kurang 250,000 orang nggota NUPW, telah memulakan sekim-sekim pemilikan rumah untuk kaum pekerja. Kurang dari 1,000 yunit rumah telah disiapkan hingga kini.

# 400 Pekerja Hilang Kerja

Lebih kurang 400 orang pekerja perusahaan elektrik telah dibuang bulan lalu, menurut Kesatuan Sekerja Perusahaan Elektrik (KSPE).

Setiausaha kerjanya, Encik Bosco berkata, "Pada bulan lalu sebuah syarikat membuang 140 orang pekerjanya. Pihak majikan bercadang membuang 50 orang lagi, tetapi kesatuan kami menentang. Akibatnya, waktu kerja bagi para pekerja lain telah dikurangkan dari 44 jam hingga 40 jam seminggu."

Encik Bosco juga memberitahu ramai orang pekerja di dua buah syarikat lain telah berhenti kerja dengan sukarela untuk mengelakkan pembuangan besar-besaran.

Ia mengatakan para anggota memilih pembuangan dari pengurangan waktu kerja kerana pemotongan gaji yang amat banyak akan menggugat kedudukan seorang pekerja.

Dua buah syarikat elektrik utama telah ditutup, 11 buah lagi telah melakukan pembuangan dan tiga buah lagi telah membuang kakitangan sementara.



# Mengapa Tiada Kesatuan Sekerja

Gadis-gadis kilang tidak mampu mempertahankan kepentingan mereka oleh sebab mereka tidak mempunyai sebarang kesatuan sekerja. Mereka telah memohon kebenaran kerajaan beberapa tahun dahulu tetapi belum lagi diluluskan.

Usaha-usaha Kesatuan Pekerja Perusahaan Elektrik (KPPE) untuk mengorganisasikan mereka telah dihalang oleh pihak Pendaftar Kesatuan Sekerja dengan alasan bahawa perusahaan electrik tidak termasuk perusahaan elektronik, walaupun kedua-dua jenis perusahaan berkenaan digolongkan dalam statistik kerajaan.

Menteri Buruh dan Tenaga Kerja, Datuk Mak Hon Kam baru-baru ini mengalu-alukan hasrat pekrja kilang elektronik sekiranya mereka mahu menubuhkan kesatuan sekerja. Bagaimanapun beliau menafikan tuduhan bahawa pihak pendaftar sengaja menghalang usaha demikian.

Katanya, "Akta Kesatuan Sekerja 1959 memerlukan ahli-ahli kesatuan melibatkan diri dalam bidang kerja yang sama dan memberi kuasa kepada pihak Pendaftar menetapkan samaada syarat ini dipenuhi."

"Sterusnya, pekerja-pekerja elektronik tidak boleh menganggotai mana-mana kesatuan yang ada, tetapi mereka boleh menubuhkan sebuah pertubuhan yang baru."

## Cuti Tahunan dan 'Overtime'

Adalah salah untuk mejikan memaksa pekerjanya mengambil cuti tahunan atau cuti tanpa gaji jika cuti tahunnya sudah habis. Buruh yang bukan anggota kesatuan yang telah dipaksa bercuti tanpa gaji melebihi 12 hari dalam sebulan patut menuntut ganti-rugi.

Mengenai kerja lebih masa "overlap", satu sumber kementerian berkata, "Apa saja bentuk kerja yang melebihi 8 jam sehari adalah overtime, dan diwajibkan kena bayaran. Selain itu, seorang buruh tidak dibenarkan bekerja melebihi 12 jam sehari, kalau tidak, majikannya adalah bersalah."

Sumber itu berkata lagi bahawa pegawainya tidak boleh bertindak selagi tidak mendapat aduan atau keterangan. "Kami boleh mendakwa majikan di mahkamah tetapi kami biasanya membuat mereka menunaikan syarat-syarat kerja."

# Dua Pekerja Elektronik

Seorang pekerja kilang elektronik, Sharon telah bekerja 2 tahun dan tidak pernah mengambil cuti tahunan sekalipun.

Namun, majikannya mendakwa ia telah kehabisan hari cutinya jika diambil kira hari-hari kilang itu ditutup kerana bekalan elektrik putus atau pengeluaran dikurangkan.

Sharon tiada tempat untuk mengadu selain daripada majikannya yang ditakutinya. Ramai rakan-rakannya dalam kedudukan yang sama.

Sebarang permohonan untuk mendapatkan cuti semasa kilang pesat berjalan akan ditolak kecuali kalau ada kematian dalam keluarga.

Gadis ini menamatkan pelajarannya di Tingkatan 3, oleh itu, ia tidak mempunyai kelulusan untuk mendapatkan pekerjaan lain.

Ia ingin belajar di kelas malam, tetapi berasa terlalu letih selepas bekerja. Semua gajinya diberi kepada ibunya kecuali untuk belanja sendiri. Ia mendapat $10.40 sehari.

Seorang gadis lain, Liza telah bekerja di kilang elektronik selama 6 tahun, tetapi kini merasa keadaanya lebih baik jika balik menolong keluarganya menanam padi di kampung kerana ia selalu diganggu oleh penyelianya.

Ia berkata, "Saya selalu dimarah kerana tidak memenuhi matlamat. Tetapi mereka tidak mengerti bahawa adalah mustahil untuk mencapainya dengan bahan-bahan cacat. Mereka memaksa saya bekerja lagi cepat hingga barang-barang saya selalu rosak."

Liza merasa bahawa pihak majikan sengaja menekan mereka supaya mereka berhenti kerja.

"Penyelia kami berkata bahawa syif lain boleh mencapai matlamat dengan barang-barang yang sama. Tetapi bila kami tanya pekerja syif lain, mereka menafikannya. Saya memang boleh mencapai matlamat apabila diberi bahan-bahan yang elok," katanya.

Oleh kerana Liza tidak mahu menganggur dan menjadi beban kepada keluarganya, ia terpaksa menaggung segala penghinaan.

# Pekerja Elektronik Dimangsakan



Semenjak ditubuhkan 13 tahun dulu, Kawasan Perdagangan Bebas (KPB) dengan berpuluh-puluh kilangnya telah memberi harapan kepada beribu anak gadis desa. Dari suasana masyarakat kampung, mereka terjerumus ke dunia bandar moden yang mereka tidak pernah alami atau memahami.

Seterusnya, meskipun mereka telah dipergunakan, diabaikan dan dimangsakan oleh majikan dan pihak berkuasa, gadis-gadis ini sanggup berdiam diri asalkan pekerjaan mereka terjamin dan gaji diperolehi tiap-tiap bulan.

Apabila zaman meleset melanda dunia kapitalis, kedudukan para pekerja merosot menjadi buruk sekali dan majikan menipu mereka dengan berbagai belah supaya dapat elak membayar apa yang sepatutnya.

Pada bulan Mac 1982, sebuah syarikat elektronik di Pulau Pinang memberhentikan pengeluaran selama 2 bulan. Seramai 200 orang dikenakan cuti tanpa gaji, sementara yang lain bekerja hanya 3 hari seminggu.

Mereka yang tidak mampu menanggung beban ini terpaksa berhenti dan mencari pekerjaan lain. Oleh yang demikian, mereka dinafikan ganti-rugi pembuangan.

Mutu bahan pengeluaran biasanya bergantung kepada mutu bahan-bahan yang digunakan. Sekiranya seorang pekerja diberi bahan-bahan yang kurang bermutu, penghasilan akan berkurangan dan ia akan dimarah oleh majikan dan upahnya akan dipotong. Terdapat juga ramai pekerja dibuang atas alasan ini.

Anihnya, golongan penyelia yang mengawal para pekerja tidak mengakui pemberian bahan-bahan buruk. Mereka mendesak supaya sasaran majikan dipenuhi walau apa-apa pun.

Mereka akan maki hamun dan memberi amaran. Golongan jurutera di peringkat atas pun tidak dapat berbuat apa-apa.

Gadis-gadis kilang juga bersungut tentang "cuti paksa" dan kerja lebih masa yang dipaksakan tanpa upah. Mengikut undang-undang buruh, kedua-dua ini adalah salah.

Kerja lebihmasa cara baru yang dipanggil overlap memaksa seorang pekerja menyambung lagi setelah syifnya tamat.

Setengah kilang mengamalkan konsep module di mana sekumpulan 7 orang bekerja sama-sama. Sekiranya kumpulan itu tidak memenuhi sasarannya, kesemuanya akan didenda tanpa tidak membezakan yang rajin dari yang malas.

# OPERASI 'COLD STORE', 2HB. FEBRUARI 1963



Perhimpunan penubuhan PAP pada tahun 1954

*"Jika menangkap seorang, lalu menahannya tanpa bicara bukan FASYISMA, maka APA ERTINYA FASYISMA?"*

Lee Kuan Yew, 1957.

Singapura adalah salah satu negara antara banyak negara yang kononnya menghormati Pengistiharan Hak-Hak Manusia Sejagat Bangsa-Bangsa Bersatu.

Walaupun kerajaan Lee menafikan bahawa ia menahan pembangkang - pembangkang politiknya, beberapa tokoh yang ditahan tanpa bicara pada 2hb Februari 1963 hanya dibebas pada tahun-tahun kebelakangan.

Orang-orang tahanan ini mengalami berbagai kesulitan dalam penjara dan tempat tahanan **Pusat Jalan Whitley, Penjara Queenstown, Pusat Moon Crescent** dan lain-lain.

**Operasi 'Cold Store'**

Penangkapan beramai-ramai berlaku pada pagi 2hb Februari tahun 1963 apabila lebih dari 130 orang telah ditangkap dan dipenjarakan tanpa bicara. Penangkapan ini telah digelarkan Operasi 'Cold Store'.

Apakah yang sebenarnya menyebabkan penangkapan dan penahanan ahli-ahli parti pembangkang dan kesatuan sekerja?

Pada hujung tahun 1954, ketika Singapura masih sebuah jajahan British, sebuah parti politik telah ditubuhkan.

Parti ini ialah Parti Tindakan Rakyat (PAP) yang bertujuan berjuang untuk hak-hak demokratik, seperti hak kaum pekerja bermogok, kebebasan menyuara dan paling penting ialah PAP bertujuan merombakkan Ordinan Mempertahankan Keselamatan Awam.

Ordinan Mempertahankan Keselamatan Awam kemudian menjadi Akta Keselamatan Dalam Negri yang digunakan oleh pemerintahan Lee Kuan Yew bagi penahan tanpa bicara bagi tempoh 2 tahun. Tempoh ini boleh dilanjutkan.

PAP pada masa itu menerima sokongan besar dari rakyat Singapura. Antara pemimpinnya ialah pemimpin kesatuan sekerja, Lim Chin Siong dan lain-lain, seperti Dr. Lim Hock Siew, T.T. Rajah dan Lee Tse Tong. Namun, terdapat puak lain, yang diwakili oleh Lee Kuan Yew dan rakan-rakannya.

Pada tahun 1959, PAP berjaya memenangi pilihanraya dengan sokongan kaum pekerja dan semua tenaga progresif di Singapura. Butir-butir bagaimana Lee - Kuan Yew dan rakan-rakannya berjaya merampas kuasa dalam PAP boleh didapati dalam buku bertajuk **Singapore's Lee Kuan Yew** oleh wartawan T.J.S. George.

Selepas ia mencapai kemenangan, PAP pimpinan Lee Kuan Yew melupakan sama sekali janjinya kepada rakyat.

Ia bertujuan memesongkan perhatian rakyat dari perjuangan anti-kolonial dan dengan demikian, menghancurkan pergerakan anti-kolonial.

Akibatnya, lama kelamaan, sokongan rakyat terhadap PAP telah hilang di dalam dan di luar parti.

-Ini telah didedahkan dalam keputusan pilihan raya kecil di kawasan Hong Lim pada bulan April dan kawasan Anson pada bulan Julai tahun 1961. PAP telah ditewaskan di kedua-dua pilihanraya kecil.

Sebelum pilihanraya kecil Anson, Lee Kuan Yew mengancam akan 'meletakkan jawatan jika PAP kalah', tetapi selepas pilihanraya itu, ia berkata 'meletakkan jawatan saya tidak penting, apa yang penting ialah PAP meneruskan tugasnya sebagai parti pemerintah'.

**Perpecahan Dalam PAP**

Pada ketika ini, para anggota PAP terpaksa memilih antara golongan pimpinan Lee dan golongan sayap kiri yang berhasrat meneruskan perjuangan anti-kolonial.

Oleh yang demikian, pada hujung tahun 1961, golongan kiri yang merupakan majoriti dalam PAP telah meninggalkan parti itu dan menubuhkan Barisan Sosialis yang bersayap kiri untuk melanjutkan perjuangan anti-penjajah serta usaha penyatuan dengan Semenanjung Malaya di bawah rancangan **Malaysia.**

**Isu Penyatuan**

Perbezaan antara PAP dan Barisan Sosialis membangkitkan soal syarat-syarat penyatuan dan bukan soal penyatuan pada asasnya.

Singapura telah diberitahu bahawa rakyatnya yang duduk di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia tiada hak bertanding dalam pilihanraya dan mengundi di seluruh Malaya.

Lagipun Singapura tidak diberi kerusi-kerusi dengan kadar yang sama seperti negeri-negeri lain dalam Parlimen Persekutuan.



Satu Rapat Umum Barisan Sosialis

Barisan Sosialis Singapura telah menentang syarat-syarat ini dalam Rancangan Malaysia, manakala PAP bersedia menerima syarat-syarat ini untuk memasuki Malaysia.

**Penangkapan Beramai-ramai**

Pada 2hb Februari 1963, Majlis Keselamatan Dalam Negeri Singapura memerintahkan penangkapan lebih dari 130 orang.

Antara mereka yang ditangkap adalah 24 orang ahli jawatankuasa kerja pusat Barisan Sosialis, lebih dari 50 orang pegawai dari 13 buah kesatuan sekerja, Pemimpin pelajar dari Universiti Nanyang dan para wartawan.

Tuduhan-tuduhan terhadap mereka adalah kerana menentang rancangan penyatuan dengan Semenanjung Malaysia.

Antara mereka yang ditangkap dan ditahan lebih dari 16 tahun ialah Dr. Lim Hock Siew, Said Zahari, Ho Piow dan Lee Tse Tong.

**Penindasan Berlanjutan**

Penahanan orang-orang yang berani bersuara dan sanggup menentang British tidak berhenti selepas penangkapan beramai-ramai pada 2hb Februari 1963.

Semenjak penangkapan itu, ramai orang lain telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Walaupun kesatuan-kesatuan Sekerja dapat dikawal oleh pemerintah Lee Kuan Yew dan para pemimpin yang berkebolehan dari Barisan Sosialis telah ditahan, jentera penindasan Lee tidak berhenti.

Dari 18hb hingga 20hb Jun tahun 1974, lebih dari 30 orang pelajar pekerja dan profesional telah ditahan di bawah AKDN; Kumpulan ini adalah kumpulan terbesar yang ditahan selepas Operasi Cold Store tahun 1963.



Pemerintahan PAP menggunakan kekerasan terhadap pihak pembangkang.



# Ke Arah Pemerintahan Satu Parti

Pada bulan November, parti pemerintahan Singapura, PAP telah mengadakan apa yang dikatakan mesyuarat yang paling penting dalam sejarahnya; sidang perwakilan berkenaan telah memutuskan bahawa PAP kini adalah satu pergerakan kebangsaan dan tidak lagi sebuah parti politik.

Nampaknya, PAP telah mengambil langkah ke arah pemerintahan satu parti di Singapura. Bagaimanapun, buat sementara, nampaknya, PAP akan meneruskan sandiwara pilihan raya umum.

Perhimpunan kader parti itu meluluskan beberapa perubahan dalam perlembagaan parti, antaranya memusatkan kuasa di tangan pemimpin parti di samping mengurangkan pengaruh anggota-anggota biasa.

Sidang itu juga membatalkan beberapa tujuan asal parti yang diwarisi dari zaman penjajahan dan menggantikannya dengan sokongan kepada parti sebagai hasrat rakyat Singapura.

Sebuah jawatankuasa kerja pusat telah dipilih di mana pemimpin-pemimpin muda melebehi tokoh-tokoh tua.

Kedua-dua timbalan perdana menteri, Goh Keng Swee dan S. Rajaratnam adalah antara mereka yang telah bersara dari jawatankuasa pusat.

Kerajaan telah membenarkan akbar, **Straits Times** mencadangkan, secara terbuka, bahawa ahli-ahli biasa parti telah kehilangan kuasa politik dan perlembagaan baru mungkin bertujuan menghapuskan pihak pembangkang di masa depan.

Penerbitan rencana ini sebelum perhimpunan parti adalah amat penting, terutamanya untuk meninjau reaksi orang ramai.

Antara ketiga-tiga wartawan yang bertanggungjawab menulis karangan-karangan itu, sekurang-kurangnya seorang dipercayai adalah kader PAP.

Satu perubahan utama dalam struktur parti ialah penghapusan hak-hak anggota biasa dalam konggeres parti untuk mengundi usul-usul parti yang dicadangkan.

Konggeres parti, yang dahulunya diwajibkan setiap dua tahun, kini diadakan hanya, "apabila jawatankuasa kerja pusat berpendapat perlu ... dengan agenda yang diputuskan oleh jawatankuasa kerja pusat."

Perubahan-perubahan ini dianggap oleh ramai pemerhati sebagai langkah terbaru dalam penyusunan semula PAP yang bermula pada lewat tahun 1950an.

Pada masa itu, cabaran paling merbahaya yang dihadapi oleh Lee Kuan Yew dan penyokongnya adalah dari golongan sayap kiri yang terdiri dari tiga-suku dari ahli-ahli parti.

Pada tahun 1958, Lee memulakan satu sistem kader, yang menghapuskan PAP sebagai satu organisasi massa. Semenjak itu, hanya kader-kader sahaja, yang boleh memilih pucuk pimpinan parti, yang hanya berhak memilih para kader.

Kini, PAP mempunyai lebih kurang 9,000 anggota biasa. Jumlah kadernya adalah sedikit – antara 300 hingga 400 orang sahaja.





Undang-undang baru melemahkan kaum pekerja

# Undang-Undang Buruh Diperketatkan

Kerajaan Singapura telah merombak undang-undang kesatuan sekerja supaya menpunyai lebih banyak kuasa untuk mengawal kekuatan pekerja.

Kementerian Buruh dibolehkan menghadkan penubuhan kesatuan sekerja baru dan juga berkuasa menukar corak perlembagaan bagi kesatuan yang sudah ada.

Sementara itu, kerajaan juga menggalakkan penubuhan kesatuan sekerja perusahaan (**house union**) ala Jepun sebagai perkembangan baru.

Pertubuhan ini hanya dibenarkan di satu tempat-kerja atau majikan sahaja. Sehingga ini, 4 buah kesatuan telah didirikan, iaitu untuk pekerja Limbongan Kapal Jurung, Pejabat Pos, Bank dan Telekom.

Penubuhan undang-undang buruh adalah hasil daripada usaha sejak bertahun-tahun dahulu untuk menukar struktur pergerakan pekerja.

Pada amnya, kesatuan sekerja digalakkan bekerjasama dengan majikan dan bukan bersikap berkonfrontasi.

Beberapa orang kader PAP telah dilantik menjadi pemimpin kesatuan sekerja. Perubahan-perubahan ini kononnya adalah untuk "mengemaskan kedudukan buruh dengan keadaan sekarang"

Perubahan penting dalam takrif kesatuan sekerja ialah mengenai "penganjuran atau pelancaran mogok," di mana seorang pegawai kerajaan memberi alasan bahawa "mogok dalah satu hak dan bukan satu matlamat."

Sebenarnya, mogok yang resmi tidak berlaku lagi di Singapura semenjak 5 tahun dahulu.

Pejabat Pendaftar, di bawah Kementerian Buruh, diberi kuasa menolak permohonan kesatuan sekerja baru dan mengubah syarat-syarat dalam perlembagaan yang ada sekiranya mereka didapati "tidak menasabah atau berpatutan." Namun, maksud-maksud perkataan itu tidak diielaskan.

Walaupun suasana pergerakan buruh di Singapura adalah tenteram di waktu ini, undang-undang baru, yang mengawal dengan rapi, bertujuan melemahkan kaum pekerja dalam zaman kemelesetan yang mungkin berpanjangan buat beberapa tahun lagi.

## Singapura Belajar Dari Jepun

Tidak lama selepas Jepun menawan pulau Singapura dari tentera British dalam Perang Dunia Kedua, sekumpulan anak-anak Cina telah dikerahkan oleh askar Jepun bertugas sebagai buruh paksa.

Bagaimanapun, seorang dari mereka telah menyembunyikan diri. Selanjutnya askar-askar Jepun telah membawa mereka entah ke mana-sebab mereka tidak kelihatan lagi selepas itu.

Anak muda yang terselamat itu ialah Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura kini. Meskipun beliau hampir terkorban di tangan Jepun, kini Singapura sedang asyik mempelajari kejayaan negara Jepun. Ramai orang dari golongan kerajaan, swasta dan kesatuan sekerja telah melawat Tokyo.

Bagi pihak Jepun pula, mereka telah membekalkan 35 pakar untuk bertugas di Singapura dan kerajaan Lee telah meminta 70 orang lagi. Sebaliknya, Tokyo merasa serba salah tentang kehormatan yang diberi oleh Singapura.

Mereka sangsi tentang kejayaan pada keseluruhannya dan tidak yakin sistem Jepun adalah sesuai untuk Singapura. Seorang peniaga Jepun berpendapat, "Mereka boleh meminjam sedikit sebanyak tetapi mereka harus meneroka jalan sendiri."

# Kerajaan Singapura Menentang Kepentingan Buruh

Apabila Kesatuan Sekerja Limbongan Kapal Jurung ditubuhkan pada bulan Oktober lalu dengan tajaan majikan, pengarah urusannya yang berasal dari Jepun, Yushushi Kony mengumumkan bahawa syarikat itu menjaminkan pekerjaan seumur hidup bagi 2,000 para pekerjanya sekiranya mereka rajin.

Limbungan Kapal Jurung adalah 53% kepunyaan Jepun sedangkan kerajaan Singapura mempunyai 43%.

Akan tetapi, tawaran istimewa ini, yang pernah menjadi suatu kelaziman di Jepun, telah membangkitkan keraguan di kalangan kerajaan, terutamanya setiausaha agung Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan (NTUC) dan menteri tanpa jawatan, Encik Lim Chee Onn.

Lim berkata, "Encik Kony sebenarnya tidak menjaminkan pekerjaan seumur hidup kepada para pekerja. Tiada seorang pun, termasuk kerajaan, yang boleh membuat demikian."

Kerajaan Singapura sebenarnya bimbang bahawa konsep pekerjaan seumur hidup akan membangkitkan perasaan leka di tengah-tengah kempen bagi meningkatkan daya pengeluaran yang telah jatuh dari peringkat 5% pada tahun 1981 kepada 1% pada tahun 1982.

Kerajaan Singapura kini sedang menganjurkan satu kempen **belajar dari Jepun** berusia 3 tahun. Ini merupakan kali kedua Lee Kuan Yew terpaksa mengubahsuaikan amalan-amalan Jepun.

Sebelum itu, Lee terpaksa berundur dari penggunaan cara pengurusan Jepun oleh kerana menghadapi tekanan dari beberapa syarikat antarabangsa yang bukan-Jepun.

*Cerpen*

# PILIHAN

**Mohammed @ Annuar Hj. Md. Noor**

Wancik masih muda tetapi mulai tua dengan masalah.

Kulit muka yang tegang dan licin tanpa garis dimana-mana menampak romanya yang masih muda, muda seperti gadis belasan tahun. Sungguhpun sudah lima tahun ia menjadi ibu, dia tetap masih muda. Dua kali perutnya buncit macam tempayan todi, tapi keduaduanya tidak menjejaskan wajahnya yang manis dan ayu itu. Berpuluh-puluh helai kain sepera yang disulamnya sejak enam tahun yang lalu bila dia ada masa lapang selepas pulang dari pejabat, selepas makan makam, setiap hari minggu, setiap masa terluang, juga tidak memberi apa-apa kesan kepadanya. Tapi masalah hidup memberi kesan kepadanya. Masalah keluarganya yang miskin, masalah nak terima pinangan, masalah nak bersalin, masalah nak melepas suaminya ke universiti, semuanya berat, tapi tak seberat masalah yang difikirkan sekarang. Masalah ini membuat fikiran Wancik semak, perasaannya gelisah dan kadangkala fikirannya tidak tenteram.

Baik perkara ini dibincakgan betul-betul dengan Zahid. Biar Zahid faham, biar dia erti, biar dia tahu. Tapi kalau dia tak setuju, dia bangkang, dia tetap juga dengan kemahuannya, apa nak buat? Tapi pandai-pandai orang lelaki pun, dia terima juga pendapat perempuan, dengar juga kata isteri. Ini bukan soal sekarang, bukan soal hari ini saja, soal masa depan, soal hidup sepuluh dua puluh tahun lagi. Wancik tahu suaminya memang selalu juga dengar katanya, dengar nasihatnya, takut juga dengan marahnya. Nak jadi calun bukannya senang. Wancik tahu sulamannya telah berat sebelah, lari tekap. Cahaya matahari hampir senja memudarkan warna benang sulamannya.

Nak masuk parti, tak salah. Nak pergi mesyuarat kecil, mesyuarat besar pun tak mengapa. Nak pergi kempendekat orang pun boleh tahan lagi. Tapi nak jadi calun, nak bertanding dalam pilihanraya, kemudian nak jadi wakil rakyat pula bukan perkara senang. Ini bermakna sudah betul-betul aktif dalam politik. Bukan setakat main-main saja, orang mesyuarat kita mesyuarat, orang berkempen kita berkempen, berjalan keliling kampung, naik rumah turun rumah, main bisik-bisik, buat ceramah, pancing undi, beli undi; hadiah kepiah lebai, tikar sembahyang, biji tasbeh ada gambar Mekah. Bukan jadi pegawai kerajaan lagi tapi jadi yang berhurmat, mesti tahan kena cerca, mesti tebal muka kena maki hamun, tak lut dengan umpat keji, kata mengata, tak takut dengan ancaman, ancaman apa pun. Kena halang kereta tengah jalan, kena baling batu, baling telur ayam kemuruk, malah nak kena bunuh pun mesti tak takut.

Gelap menyelubungi bilik. Wancik tetap mahukan suaminya jadi pegawai kerajaan. Pegawai besar dihurmati orang, disegani orang, disambut di manamana pergi biar pun gaji hanya sembilan ratus sahaja. Tak payah ambil duit rasuah, tak payah pembohong rakyat, tak gaduh putar belit, apa orang gubal kita jalankan sahaja.

Ada masa dirumah tak perlu ligan keliling daerah, "Aduh!" Wancik terkejut terkapa-kapa. Zuhra dan Wazir ketawa kecil membenam muka kecil mereka keperut ibu sambil menguling-guling kepala macam anak kucing lapar susu. Pipi kedua anaknya dicium. Hapak, bau peluh lepas main, Wancik senyum. Zuhra dan Wazir meloncat-loncat macam udang padang menuju kebilikair.

Wancik tetap muda tetapi mulai tua dengan masalah.

"Mesyuarat bahagian tu bila?"

"Malam lusa" Zahid jawab ringkas tanpa memandang isterinya yang sedang menyusun dan mengutip kertas majalah yang diperca oleh anak-anak tikus dua beradik.

"Kenapa?" asap rokok melumpat keluar sekali dengan pertanyaan.

"Saja tanya!" hati Wancik terbuku walaupun perkataanya tenang. Wazir berbadan gempal macam bapanya melumpat baik celah kangkang sambil mencalit air dimulut pada kain pelikat tapak catur, Zahid memulas-mulas kepada Wazir. Wazir geli, ketawa kecil.

"Politik tu apa, abah?" Zahid tersentak. Wancik yang sedang mengibas cadar memerhati pada suaminya. Zahid senyum hairan. Otak ligar berpusing-pusing mencari apa yang perlu dijawab pada anak lelakinya yang baru empat tahun. Sudah tentu konsep, definasi, teori yang didapati di Universiti tak sesuai bagi Wazir. Politik seperti yang difaham oleh orang kampung juga sudah tentu tak akan difahami Wazur. Politik jadi ahli parti, bayar yuran, bersembang ditempat kenduri, pelekat poster, berarak bila menteri datang empat lima tahun sekali, buat kenduri sembelih kerbau, cicah air asam telur kerbau bakar.

Menarik Wazir duduk kangkang atas perutnya, Zahid melepaskan senyuman yang menawan hati Wazir. "Di mana Wazir dengar politik tu? Soalan dilepaskan bersama-sama kuluman senyuman.

"TV cakap!, politik tu apa abah?"

"Politik tu jadi macam Tun Razak abah kan?" Sekali lagi Zahid terperangkap, kali ini oleh Zuhra. Zahid hairan, betul-betul hairan dengan kebolehan anakanaknya. Tapi dia tetap bangga, kagum, penuh megah dengan kebolehan mereka terutama Zuhra yang hanya setahun tuah dari adiknya. Zahid tidak mahu menidakkan pendapat anaknya, tidak mahu mematahkan tunas yang sukar tumbuh awal-awal. Kepala Zahid mengangguk-ngangguk tanpa disuruh. Zuhra yang bermain anak patung ditepi kerusi malas Zahid berasa gembira pendapatnya telah diterima.

"Abah nak jadi macam Tun Razak, abah?" Zahid senyum saja. Kali ini dia tidak terperangkap lagi oleh Wazir. Dia memang menjangka soalan itu akan keluar. Wancik menghampiri kerusi malas suaminya sambil membawa senyuman penjang. Telatah tiga beranak itu sungguh-sungguh menarik perhatiannya. Wazir melangkah turun ke atas riba ibunya, bersandar pada dada yang melembung tajam. Wancik mengusap-usap kepala Wazir sambil mencium beberapa kali. Walaupun dia tidak gemar dengan tajuk bualan tiga beranak tapi dia tetap bangga, kembang hati dengan minat mereka yang serupa.

"Abah bukan nak jadi Tun Razak saja tapi nak kerja macam Tun Razak!" Wancik memberi penjelasan bersama-sama jelingan tajam. Zahid senyum saja, dia faham perli isterinya. Perli seperti itu membuat hatinya bertambah sayang pada Wancik.

Wancik adalah antara empat orang yang memberi nafas pada hidupnya, yang mendorong, yang mendesaknya, yang memberi kekuatan dan tenaga. Haji Kalsum ibunya adalah salah seorang daripadanya. Wazir turun riba, anak-anak patung kakaknya lebih menarik minatnya.

Angin malam bertiup sayu melalui kaca-kaca tingkap. Tubuh Zahid tanpa baju diusap lembut. Zahid menahan usapan mesra macam ibu kerbau ditepuk punggung. Garis petak siling rumah barunya dibilang tanpa jumlah. Memang tiap-tiap satu mesti dikira, dihitung, dibanding buruk baik, disukat berat ringgan, sebelum satu-satu itu dibuat. Kebolehan diri mesti ditimbang tilik kemampuan menghadapi masalah, sokongan pengundi-pengundi mesti diketahui terlebih dahulu. Apakah sokongan yang didapati kekal hingga hari mengundi? Apakah diri dapat menahan repuhan halangan? Rintangan yang menerpa datang? Kalau sokongan jadi makin kurang, apa nak buat? Atur langkah baru, susun kedudukan, ubah strateji? Kebolehan memang ada, kepandaian secara terbukti jelas. Bersyarah, berpidato memang bijak, memang pandai. Nak bercakap, nak tarik minat orang, nak mempengaruhi orang memang ada bakat. Dulu masa muda-muda, di bangku sekolah menengah lagi, bertengkar, berbahas dengan Pak Aji Zain memang selalu. Pak Ali apa kurang, samapi merah biji mata, sampai Pak Ali mengaku kalah. Pak Aji Zain memang suka fasal politik, dia sengaja bangkitkan perkara-perkara kontrevasial untuk mendapatkan pendapat orang. Pak Ali pun serupa, suka bangkang pendapat orang. Sengaja dia cari jalan supaya bertengkar. Tengok cakap orang, lagak orang, sapa pandai. Memang Pak Aji Zain pernah kata aku mesti masuk politik bila besar nanti, jadi ahli politik besar, ahli politik yang berpengaruh, sebab aku ada bakat. Memang aku sudah tunjukkan bakat aku hingga ke peringkat universiti. Mana ada persatuan aku tak masuk? Mana pertubuhan aku tak pegang jawatan penting? Menteri mana aku tak hentam? Bukan sekali dua kali aku kena amaran, kena panggil jumpa menteri, panggil berdailog, panggil, berjumpa dari hati ke hati konon. Pranggg... kong ... kang "Puah-h-!, puah-h-h! celaka betul, curi lauk pula!"

Wancik bergegas ke bilikair macam tidak dapat ditahan lagi. Zahid senyum melihat kelakuan isterinya. Memang orang perempuan semua macam itu, kalau tak cepat-cepat, berambur. Zahid senyum lagi. Wancik hairan melihat Zahid senyum bila ia menghampiri Zahid yang telah pun mengubah tempatnya dari kerusi malas ke atas katil. Mungkin senyum ada makna. Senyum nak kecekkah? Senyum nak mintakah? "Kenapa abang senyum, bang?" Wancik bertanya manja. Zahid senyum lagi, dia memang selalu dengar soalan seperti itu. Soalan seperti itu selalunya tak di jawab dengan perkataan. Malam semakin tua. Ayam jantan galak berkokok tengah malam.

"Jadi kenduri Mak Su Pah esok, abang tak boleh pergilah?"

Zahid tak menjawab, entah apa yang tersumbat dalam mulutnya.

"Takkanlah mesyuarat sampai malam?" Tidak juga keluar suara dari mulut Zahid. Cuma airliur jerneh meleleh keluar dari tepi rekahan dua bibirnya.

"Wan ingat nak balik lewat sikit, sampai habis orang bersanding". Zahid mengangguk-ngangguk kecil, mulutnya masih lagi tersumbat.

"Bang! sudahlah! kalau boleh gunggung tu, berjamjam" Zahid menggeleng-geleng kecil kepalanya.

Ayam jantan galak berkokok lagi tengah malam.

Kepulangan Zahid setiap petang disambut oleh dua penyambut tetamu kecil. Petang ini dia pulang dua jam lewat daripada biasa. Wazir dan Zuhra melumpat-lumpat, bertepuk-tepuk, bercericau menunggu di tepi pintu Volvo kuning bapaknya. Kedua-dua mereka gembira menerima apa saja yang dibeli. Tak kira sikit, banyak, manis, masam, apa saja mereka tetap gembira.

"Abah, mak menangis! mata dia merah"

"Wazir tak tanya kenapa mak menangis?"

"Kakak tanya, mak kata dia demam" Zahid mengangguk-ngangguk saja sambil ketiga-tiga beranak melangkah naik tangga rumah. Zahid memang faham dengan peil isterinya kalau dia pulang lambat tanpa diberitahu terlebih dahulu. Kadang-kadang dia jemu dengan perangai seperti itu. Jemu kerana Wancik terlalu bimbang, terlalu risau dengan dirinya. Dia pasti Wancik tidak demam tapi risau, panas hati kerana tidak diberitahu akan pulang lambat. Semua mesti dibertahu.

Pisang goreng dikunyah lambat-lambat, ditelan. Satu lagi masuk mulut. Tepung garing patah, bunyinya mersik anak, dikunyah, dipepak lambat-lambat, lumatlumat. Wancik merenung sepera sulamannya. Munutnya terkuncu rapat, tidak seperti selalu. Ini Zahid tahu.

"Cina cat sudah, sapu dinding bilikair?"

"Entah!" jawapan Wancik keluar lambat.

"Ada dia datang hari ini?" Kali ini soalan Zahid mendapat jawapan dengan isyarat sahaja. Zahid tahu dengan benar dengan tindakan senyap ini. Pisang goreng rapuh di kunyak juga dengan teh kosong melicinkan saluran. Zahid tidak ambil kesah dengan tindakan senyap. Pisang goreng rapuh lebih sedap dipepak bila kepala tersandar lega.

Mesyuarat jawatankuasa perhubungan memang selalu jadi begini, tak boleh habis ikut jadual. Tiga jam tak cukup, empat jam, lima jam buru boleh selesai. Semua perkara nak dibangkitkan. Semua perkara mahukan keputusan. Hendak sekat memang tak boleh. Keputusan memerlukan perbincangan, lapuran, pendapat, tentangan, sokongan, bangkangan, semua kena dengar baru mereka puas hati. Mereka sudah tahu setiap keputusan yang diambil pasti dilaksanakan. Penolong Pegawai Daerah ini memang cekap, memang efisen. Zahid senyum kecil. Tapi mungkin orang Mukim Kuala Alur sengaja nak uji, nak cuba kebolehan aku. Cakap sajakah? Janji sajakah, buat keputusan sajakah? kerja, apa pun

*Sambung dihalaman 13.*

# NASIONALISME & HUBUNGAN ANTARA KAUM

**Sekitar Persidangan 'Modenisasi Dan Keperibadian Budaya-Bangsa'**

## 'Nasionalisme Malaya' Mula Muncul Selepas Perang

Mengikut Dr. Cheah Boon Kheng, seorang bekas wartawan dan seharahwan – iaitu satu keinginan untuk mendirikan satu bangsa negara baru bagi masyarakat majmuk di Tanah Melayu – sebenarnya telah lahir di antara tahun-tahun 1946-1948 dan telah berkembang sehingga pencapaian kemerdekaan pada tahun 1957.

Unsur-unsur "nasionalisme Malayu" sebagai asas utama "Nasionalisme Malaya" ini terkandung dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, "Asas Perlembagaan Rakyat" PUTERA-AMCJA dan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

**Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu**

Selepas Pendudukan Jepun, pemerintahan Inggeris telah kembali menjajah di Tanah Melayu dan tidak lama lagi mengumumkan rancangan "Malayan Union".

"Malayan Union" ini telah dibantah keras oleh orang-orang Melayu. Oleh itu cadangan ini dibubarkan dan digantikan dengan "Persekutuan Tanah Melayu"

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu sebenarnya memperkukuhkan kedudukan raja-raja Melayu dan kuasa Inggeris. Ia tidak memberi apa-apa jaminan mengenai kemajuan ke arah pemerintahan sendiri.

Lagipun, tidak ada peruntukan dalamnya untuk mewujudkan satu badan perwakilan, seperti Parlimen, yang dipilih oleh rakyat, hak mengundi, pembentukan kabinet dan jawatan Menteri atau lambang-lambang kebangsaan seperti satu bahasa, satu bendera, satu negara dan satu bangsa.

Perjanjian itu hanya melicinkan keadaan pentadbiran Inggeris. Inggeris sekarang dapat memerintah suatu persekutuan di bawah satu pentadbiran pusat yang dikuasainya dengan ketat.

"Persekutuan Tanah Melayu" tidak merupakan "negara" tetapi hanya dianggap – dalam perjanjian itu sebagai nama wilayah sahaja.

Oleh sebab itu, Jawatankuasa Kerja Bersama Inggeris-Melayu yang telah menggubal perlembagaan itu, telah menyatakan bahawa "kewarganegaraan Persekutuan" itu tidak bermaksud "rupa-bangsa" atau "Nationality".

Warganegara "Persekutuan" tidak perlu bersumpah taat setia kepada Persekutuan, tetapi hanya bersumpah bahawa ia akan taat setia kepada pentadbiran dengan menjadi "seorang warganegara Persekutuan Tanah Melayu yang jujur dan setia dan akan mematuhi segala undang-undang yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa dalam Persekutuan.

**Asas Perlembagaan Rakyat**

"Asas Perlembagaan Rakyat" PUTERA-AMCJA merupakan balasan kepada "Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu" yang telah dipersetujui oleh pihak Inggeris dengan raja-raja Melayu dan UMNO.

"Asas Perlembagaan Rakyat" – yang dikeluarkan oleh PUTERA-AMCJA, satu gabungan badan-badan Melayu dan bukan Melayu yang bersayap kiri – mengandungi cita-cita nasionalis yang nyata untuk "negara-bangsa" yang akan memupuk kesedaran ke arah "Malaya Bersatu"

Dokumen ini menuntut hak menentukan nasib sendiri, demokrasi serta hak dan tanggungjawab politik bagi rakyatnya. Jika diterima, ia akan memberikan pemerintahan sendiri dengan serta merta kepada sebuah bangsa-negara baru yang mengandungi Singapura.

Mengikutnya, rakyat "Malaya Bersatu" akan memilih wakil rakyatnya melalui pilihanraya dan wakil rakyat itu pula akan memilih Perdana Menteri dan kabinetnya.

Bahasa Melayu akan menjadi "Bahasa Kebangsaan", sebuah Majlis kaum-kaum akan dibentuk untuk menapis diskriminasi perkauman dalam undang-undang (yang akan diluluskan oleh badan-badan perwakilan rakyat), dan yang terpenting sekali, satu kerakyatan yang beristilah "Melayu" akan dilaksanakan.

Pada masa itu, perdebatan antara istilah "Melayu" dan "Malayan" itu memang hebat. Mengikut Dr. Burhanuddin Al-Helmi:

"Pertentangan Melayu dan Malayan tidak boleh habis. Malayan ialah menurut bentuk tajaan penjajahan, yang memperkecil-kecilkan dan untuk menghapuskan bangsa atau Kebangsaan Melayu, yang menuntut hak kedaulatan kembali, yang mempunyai kawasan lebih luas dari tuntutan Malayan.

"Dengan perjuangan Kebangsaan Melayu sebagaimana Asas Perlembagaan Rakyat dahulu itu, bahawa Malayan adalah dalam Kebangsaan Melayu, dan Kebangsaan Melayu yang besar raya tak dapat dimasukkan kepada acuan rekaan yang dinamakan Malayan itu, manakala yang sebenarnya Malayan itu boleh dan dapat masuk ke dalam acuan dan bentuk yang lebih besar iaitu Kebangsaan Melayu.

"Proses Kebangsaan Melayu itulah proses yang betul, untuk menuju jalan yang benar, dan betul mencapai persatuan kebangsaan yang besar dan Malayan itu jika tidak mengikut proses ini, adalah menjadi penarong dan bencana yang sangat mungkin dan berfaedah untuk senjata pecah-pecah dan perintah".

Nama "Melayu" bagi kerakyatan PUTERA-MACJA itu telah menimbulkan keraguan di kalangan orang Cina.

Walaubagaimanapun, kebanyakan orang bukan Melayu dalam AMCJA, termasuk individu terkemuka seperti Tan Cheng Lock, telah menerima kerakyatan "Melayu" ini dan menunjukkan keinginan mereka untuk membangkitkan satu bangsa baru bersama-sama dengan orang Melayu.

Pemerintahan Inggeris telah menolak cadang-cadangan "Perlembagaan Rakyat" PUTERA-AMCJA. Gabenor-General Inggeris, Malcolm MacDonald, mensifatkan idea-idea itu sebagai "angan-angan sahaja dan tidak boleh digunakan".

Akhirnya, dengan pengisytiharan Darurat pada Jun 1948, banyak badan gabungan PUTERA-AMCJA itu dibubar. Namun demikian, idea untuk membentuk satu bangsa baru dalam masyarakat majmuk di Tanah Melayu telah ditanamkan.

Kerakyatan "Persekutuan" yang ditawarkan oleh Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu diterima begitu rancak pada tahun-tahun 1950an. Oleh itu, Dr. James Ongkili merumuskan bahawa "nasionalisme Malaya" lahir pada masa itu.

Tetapi, kita harus ingatkan "Asas Perlembagaan Rakyat" PUTERA-AMCJA yang telah menyuarakan hasrat rakyat majmuk sendiri untuk menjadi "Bangsa" baru.

Pencapaian itu menjadi asas dan tapak permulaan yang diikuti oleh parti-parti lain – termasuk Perikatan UMNO-MCA-MIC – yang aktif selepas PUTERA-AMCJA telah hilang dari arena politik di Tanah Melayu.

**Kemerdekaan**

Selepas Perang Dunia Kedua, keadaan sedunia (antarabangsa) telah menekankan negara-negara penjajah supaya mengakui hak kemerdekaan dan pemerintahan sendiri bagi rakyat tanah-tanah jajahan.

Kerajaan Inggeris tidak mahu memberikan kejayaan kepada pemberontak-pemberontak komunis. Oleh itu, mereka menyerah kuasa kepada Perikatan UMNO-MCA-MIC.

Pada tahun 1955, di bawah satu "persetujuan bersejarah", UMNO dan MCA telah membuat kompromi di mana orang-orang Melayu bersetuju bahawa kewarganegaraan akan diberikan kepada orang Cina yang berkelayakan, sedangkan orang Cina pula bersetuju mengakui hak-hak istimewa orang Melayu, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan kedudukan raja-raja Melayu sebagai raja-raja berperlembagaan. Persetujuan ini kemudiannya diluaskan dengan kemasukan MIC.

Akhirnya, pada 31hb. Ogos, 1957, kerajaan Perikatan, di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman, telah mencapai Kemerdekaan. Ini memang merupakan satu langkah penting.

Tetapi pembinaan satu "bangsa-negara'. sebenar di masyarakat majmuk merupakan perkara yang lebih rumit. Memang kita masih jauh lagi dari penyelesaian masalah ini.

## Sebalik Tuntutan Pendidikan Cina

Menurut Dr. Loh Kok Wah dari Universiti Sains Malaysia, sejak kemerdekaan, politik di Malaysia telah bertambah perkauman, khususnya dalam tahun-tahun 1970an.

Terdapat 3 sebab utama mengapa keadaan begini. Pertamanya, kita sedang menyaksikan satu persaingan ekonomi yang kian hebat antara kelas atasan Cina yang sudah lama bertapak dan kelas kapitalis-birokrat Melayu yang sedang meningkat.

Kemunculan kelas kapitalis-birokrat Melayu adalah akibat langsung dari perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Dalam persaingan ini, puak-puak pemodal tempatan mempergunakan kelas-kelas bawahan di bawah pimpinan masing-masing dengan hujah-hujah bahawa kejayaan kelas atasannya adalah berfaedah kepada semua lapisan dalam kaumnya.

Kedua, mobilisasi kelas-kelas bawahan oleh golongan atasan mengikut garisan kaum dipermudahkan dengan perkembangan politik perkauman di Malaysia.

Kini parti-parti politik yang berbilang kaum atau kiri hampir tiada lagi.

Faktor ketiga memperkatakan tentang bagaimana para pemimpin parti politik yang berdasarkan kaum dan pertubuhan-pertubuhan lain telah muncul sebagai jaguh isu-isu yang membela keperluan sosio-ekonomi kelas-kelas bawahan.

Oleh yang demikian, mereka dianggap sebagai tokoh-tokoh kaum yang seterusnya akan menggalakkan perkauman.

Seterusnya, Dr. Loh membincangkan bagaimana perasaan *kaum* yang lebih tebal telah berkembang di kalangan orang-orang Cina akibat proses ketiga, khasnya dalam tahun-tahun 1970an.

Beliau menekankan perhatian kepada bidang pendidikan kerana di Malaysia, isu-isu pendidikan mengandungi implikasi ethnik serta kelas.

Dr. Loh cuba menunjukkan bagaimana sokongan untuk sesuatu isu pendidikan adalah akibat kepentingan ethnik dan kelas terhadap isu itu. Ia berpendapat bahawa kepentingan kelas atau sosio-ekonomi adalah lebih penting.

**Universiti Merdeka**

Sokongan kaum Cina kepada Universiti Merdeka berlaku oleh kerana kemorosotan peluang untuk kaum Cina melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi.

Sementara itu, perkembangan kelas menengah yang pesat telah merumitkan lagi masaalah ini, bukan sahaja untuk kaum Cina tetapi untuk semua kaum.

Lantaran itu, sebahagian besar dari penyokong Universiti Merdeka adalah orang-orang yang bukan berpendidikan sekolah Cina, satu gejala yang tidak pernah berlaku pada tahun-tahun 1960an.

**Sekolah Menengah**

Pada tahun-tahun 1970an, terdapat juga pertumbuhan pesat sekolah-sekolah menengah Cina. Jumlah penuntut yang didaftarkan di sekolah-sekolah demikian pada tahun 1961, ialah 35,789 orang murid-murid.

Angka ini telah jatuh kepada 15,890 orang pada tahun 1970, tetapi meningkat pula kepada 44,600 pada tahun 1982.

Kejatuhan angka pada tahun-tahun 1960an telah berlaku meskipun tokoh-tokoh pendidikan Cina berusaha menghalangnya.

Keadaan berubah apabila sekolah-sekolah ini dipandang sebagai harapan yang tunggal untuk penuntut-penuntut yang gagal di sekolah-sekolah menengah kerajaan, khasnya akibat pengenalan penggunaan Bahasa Malaysia.

Dr. Loh berpendapat bahawa sebahagian besar dari para pelajar yang didaftarkan di sekolah-sekolah ini adalah dari kampung-kampung baru dan berlatarbelakang luarbandar di mana mutu Bahasa Malaysia yang diajar di peringkat sekolah rendah tidaklah mencukupi.

**Sekolah Rendah**

Pendaftaran di sekolah-sekolah rendah Cina jenis-kebangsaan juga bertambah dalam dekad lalu. Sebelum tahun-tahun 1970an, angka ini adalah 33.3% (1951) dan 27.8% (1970) dari semua murid sekolah rendah.

Sebaliknya, antara tahun 1971-78, peratusan murid-murid Cina yang menghadiri sekolah-sekolah rendah ini meningkat dari 78% kepada 87.8%. Perkembangan ini adalah disebabkan:

(i) pendidikan Inggeris menawarkan peluang yang paling baik sebelum tahun 1970.

(ii) Ramai ibubapa Cina kini merasa bahawa pendidikan sekolah-sekolah Cina – di mana 3 bahasa diajar – adalah jaminan terbaik untuk masa depan anak-anak mereka. Bahasa Cina yang diajar adalah satu-satu bahasa yang berguna dalam sektor swasta memandangkan pekerjaan di sektor awam adalah terhad kepada mereka.

Oleh yang demikian, para penganjur dan dermawan projek Universiti Merdeka, sekolah menengah bebas dan sekolah rendah Cina dianggap berkait rapi dengan keperluan sosio-ekonomi kelas-kelas bawahan walau apa-apa pun tujuan tokoh-tokoh kelas atasan.

Seterusnya, tokoh-tokoh ini diterima sebagai pemimpin-pemimpin yang sah oleh ramai orang-orang Cina.

Persaingan antara mereka dan kelas kepitalis birokrat Melayu digambarkan kepada kelas-kelas bawahan melalui kacamata ethnik. Akibatnya ialah ketegangan dalam masyarakat.

## Konflik Kaum Di Kalangan Kelas Menengah dan Atasan

Menurut Dr. Chandra Muzaffar, seorang pensyarah sains politik di Universiti Sains Malaysia dan juga presiden Aliran, perhubungan kaum di Malaysia telah merosot dalam dekad lalu.

Sebab utama ialah kepentingan yang bertentangan antara kelas atasan dan menengah Melayu yang sedang berkembang dan kelas atasan dan menengah bukan Melayu yang sedia ada.

Kelas atasan dan menengah Melayu adalah sebahagian dari golongan pemerintah, manakala kelas atasan dan menengah bukan Melayu adalah hasil zaman penjajahan.

Konflik yang berlaku dalam kelas atasan akan meninggalkan kesan bagi kelas-kelas lain oleh kerana di dalam susun-lapis masyarakat kapitalis, nilai-nilai dan sikap-sikap kelas-kelas menengah dan atasan mempengaruhi cara hidup seluruh masyarakat.

Inilah sebab sikap perkauman kini menjadi-jadi di bidang politik, ekonomi, buruh, profesyenal, budaya, sosial dan agama.

Kemunculan kelas menengah dan atasan Melayu mencerminkan perubahan dalam penglibatan etnik dalam segala bidang.

Ini adalah hasil dari Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran Kebangsaan dan penghijrahan masyarakat ke bandar.

Dari satu pihak, perkembangan ini dialu-alukan sebab ia telah merobah keadaan sebelum 1969.

Keadaan yang wujud sebelum 1969 tidak membayangkan hakikat bahawa masyarakat Melayu adalah kaum majoriti. Sebaliknya, kaum yang minoriti mempunyai peranan yang amat penting dalam negara. Malangnya, perubahan yang penting ini tidak dapat mengurangkan suasana perkauman.

Sebenarnya, dasar mengubah susunan masyarakat dengan cara etnik hanya memburukkan lagi keadaan ini.

Pihak pemerintah patut menyedari bahawa punca keresahan dalam masyarakat adalah lebih dalam dari soal etnik, malah, ia berpunca dari sistem sosio-ekonomi yang menindas golongan miskin.

Lantaran itu, golongan atasan dari semua kaum lebih suka menghadapi kemungkinan pertentangan kelas dengan mengekalkan suasana perkauman.

# Tafsiran DEB Kini Tidak Dapat Mencapai Perpaduan Kebangsaan

Dalam kertas kerja mereka berjudul "Apakah Dasar Ekonomi Baru Dapat Mencapai Perpaduan Kebangsaan? Pembangunan dan Ketidaksamaan 25 Tahun Selepas Merdeka", Prof. Madya Ishak Shari dari UKM dan Prof. Madya Dr. Jomo K.S. dari U.M. menunjukkan bahawa walaupun ekonomi Malaysia telah berkembang pesat dan kadar kemiskinan telah berkurangan sejak pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB), tetapi jurang dalam agihan pendapatan di kalangan setiap kaum utama di negara ini telah terus bertambah meluas.

Mereka juga menunjukkan bahawa pengurangan kadar kemiskinan yang banyak tercapai pada penghujung dasawarsa 1970an adalah lebih dipengaruhi oleh peningkatan pesat harga-harga barangan – suatu faktor yang tidak berkekalan – dari kenaikan daya pengeluaran golongan miskin.

Seterusnya, didapati bahawa keutamaan pihak kerajaan dari segi peruntukan perbelanjaan sedang berpindah dari matlamat pembasmian kemiskinan ke matlamat menyusun semula masyarakat dan ini dijangka akan memburukkan lagi keadaan agihan pendapatan dan kekayaan di negara ini.

Perkembangan - perkembangan ini, serta persaingan antara golongan tertentu di kalangan setiap kaum dalam soal menguasai sektor perusahaan moden dan peluang pelajaran, pekerjaan dan kenaikan pangkat, akan menambahkan – dan bukan mengurangkan – ketegangan antara kaum di negara ini.

Dalam peninjauan mereka terhadap corak pembangunan ekonomi Malaysia, terdapat banyak perkembangan baru, tetapi rangka ekonomi negara tidak banyak berubah dalam masa suku abad selepas Merdeka, mahupun selepas pengistiharan DEB.

Oleh kerana ekonomi negara pada asasnya terus merupakan ekonomi pasaran yang dikongkong oleh kapitalisme – yang merupakan satu sistem ekonomi antarabangsa dan berasaskan kepada hubungan-hubungan pengeluaran yang melibatkan pemerasan – maka pembangunan ekonomi demikian telah mengekalkan, malah memeperluaskan, jurang agihan pendapatan yang sedia ada. Justeru itu, ketegangan antara kaum telah bertembah.

Antara sebab penting yang mengujudkan keadaan demikian ialah salah anggapan orang Melayu bahawa kaum Cina menguasai ekonomi negara dan salah anggap orang bukan-Melayu bahawa kaum Melayu menguasai teraju pemerintahan negara.

Pada hakikatnya, hanya segelintir daripada kedua-dua kaum berkenaan yang sebenarnya berkuasa dalam bidang-bidang berkenaan. Walau bagaimanapun, kedua-dua anggapan yang salah ini telah dan sedang mempengaruhi pemikiran serta fahaman sebahagian besar daripada rakyat negara ini.

Perbincangan mereka mengenai usaha kerajaan membasmikan kemiskinan mempersoalkan konsep kemiskinan rasmi, di mana kemiskinan dianggap secara mutlak dan bukan secara relatif.

Dengan konsep kemiskinan demikian, ada kemungkinan ketidaksamaan pendapatan bertambah sementara kadar kemiskinan menurun sekiranya kadar pertumbuhan yang dicapai adalah cukup pesat. Mengikut data-data dalam RM4, perkembangan seumpama ini telah perlaku dalam tahun-tahun 1970an.

Antara 1957 dan 1970, ketidaksamaan pendapatan telah bertambah; bahagian pendapatan golongan miskin telah merosot manakala bahagian pendapatan golongan kaya telah bertambah.

Pada tahun-tahun 1970an pula, pendapatan purata sebenar 40% isirumah yang termiskin telah meningkat 10.5%, tetapi jurang agihan pendapatan telah terus bertambah luas kerana pendapatan 60% isirumah lain telah meningkat dengan lebih pesat, sebanyak 12.8%.

Keadaan yang serupa juga terdapat di kalangan kaum Melayu, Cina dan India jika dilihat secara berasingan. Kajian-kajian lain juga memperlihatkan pola aliran yang serupa.

Seterusnya, mengikut data rasmi, didapati betapa pentingnya harga barangan bagi mengurangkan kemiskinan di kalangan pekebun kecil getah dan penanam padi – dua kumpulan miskin yang utama – pada penghujung dasawarsa 1970an.

Sebagai contoh, harga purata getah asli telah meningkat dari 128 sen sekilo pada 1970 ke 139 sen pada 1975 dan 300 sen pada 1980. Maka, kadar peningkatan purata setahun bagi harga getah adalah 1.7% pada tempoh 1971-75 dan 16.6% pada tempoh 1876-80. Daya pengeluaran sektor getah didapati telah meningkat sebanyak 42.5% dalam tahun 1970-75 dibandingkan dengan 3.4% dalam tempoh 1975-80.

Dari sini, didapati harga getah yang tinggi pada tahun 1980 adalah faktor utama yang menyebabkan pengurangan kadar kemiskinan di kalangan pekebun-pekebun kecil getah.

Kemerosotan harga getah pada tahun 1981 dan 1982 menunjukkan bahawa kenaikan harga barangan yang sementara tidak boleh diharapkan bagi mengurangkan kemiskinan dalam jangka masa panjang.

Didapati juga bahawa keadaan turun naik harga barangan memberi kesan yang berlainan kepada pendapatan golongan-golongan pengeluar yang berbeza.

Pendapatan para pengeluar persendirian – seperti petani – terikat secara langsung kepada gerakan harga barangan berkenaan sedangkan pendapatan pekerja upahan tidak mempunyai ikatan demikian.

Kesan peningkatan harga-harga getah pada tempoh 1975-80 ke atas kadar kemiskinan di kalangan pekebun kecil getah berbeza daripada kesannya ke atas pekerja estet getah.

Dalam ekonomi kita yang bertambah kapitalis, golongan pekerja upahan sedang bertambah ramai dan perkara ini mempunyai implikasi yang penting kerana pertambahan daya pengeluaran atau harga barangan yang tinggi tidak semestinya memperbaiki nasib para pengeluar yang merupakan pekerja upahan yang tidak mempunyai bahan pengeluaran sendiri untuk mengeluarkan barang secara persendirian.

Perbincangan mengenai matlamat DEB untuk menyusun semula masyarakat biasanya merujuk kepada beberapa aspek tertentu sahaja, iaitu agihan milik saham syarikat, pekerjaan dan pelajaran.

Banyak perhatian selalu diberi kepada soal pemilikan sektor perniagaan moden, walaupun hanya segelintir daripada penduduk Malaysia yang terlibat secara langsung dalam perkara ini.

Dari RM4, terdapat dua perkembangan baru kalau dibandingkan dengan dasar sebelumnya. Pertama, walaupun matlamat asal (aiaitu ,9.0% milik bumiputra) bagi tahun 1975 telah lebih tercapai, tetapi pada tahun 1980, hanya 12.4% dari sektor berkenaan dimiliki oleh kaum bumiputra, iaitu kurang daripada matlamat asal sebanyak 16.0% yang terkandung dalam RM3.

Oleh yang demikian, pencapaian matlamat 30% menjelang tahun 1990 akan memerlukan kadar pengumpulan modal yang lebih pesat, yang semestinya akan membawa dasar serta tindakan oleh kaum pemodal Bumiputra yang lebih agresif.

Keduanya, RM4 meramalkan juga bahawa nisbah pemilikan antara agensi dan individu Bumiputra bagi tahun 1990 akan meningkat dari 3.05 ke 4.77.

Perubahan besar ini mempunyai implikasi yang penting terhadap sifat dan masa depan golongan atasan bumiputra dan juga terhadap sifat dan peranan pemerintah Malaysia pada masa depan.

Sekiranya golongan atasan bumiputra bertambah agresif untuk mencapai matlamat 30% seperti diramalkan, barangkali ini akan dilakukan melalui pemerintah dan agensi-agensi amanah Bumiputra.

Perkembangan - perkembangan ini sudah semestinya menimbulkan strategi-strategi baru di kalangan golongan pemodal tempatan – khususnya di kalangan pemodal kaum bukan Bumiputra – yang menganggap campurtangan pemerintah sebagai melampau dan bertentangan dengan kepentingan mereka.

Mereka juga berpendapat bahawa matlamat 30% milik bumiputra menjelang tahun 1990 boleh dicapai kerana pemodal asing tidak akan bertindak mati-matian demi mempertahankan kepentingan jenis penjajah, iaitu sektor perdagangan impot-ekspot dan perusahaan utama di bekas tanah jajahan, jika diambil alih untuk kepentingan tempatan, asalkan kepentingan pemodal asing pada keseluruhannya tidak terjejas.

Syarikat-syarikat industri asing yang moden juga tidak menganggap pemilikan itu masih perlu lagi untuk menjaminkan pengawalan dan keuntungan, memandangkan kuasa mereka terhadap teknologi, pemasaran serta aspek pengurusan lain yang penting, dan cara-cara menyembunyikan pemindahan keuntungan dengan mempermainkan kira-kira syarikat berkenaan.

Mereka juga berpendapat bahawa penyusunan semula masyarakat dari segi pekerjaan sebenarnya sudah banyak tercapai, terutama sekali pada peringkat bawahan.

Peratusan mengikut kaum di peringkat iktisas dan teknikal pada amnya mencerminkan agihan kaum di kalangan penduduk Semenanjung Malaysian, walaupun peratusan orang Bumiputera dalam pekerjaan-pekerjaan tertentu sering diberi perhatian rasmi.

Kekurangan dalam peratusan kaum Melayu dari pekerjaan pada tahun 1980 ternyata hanya dalam dua bidang, iaitu peringkat pentadbiran dan pengurusan dan perniagaan jualan.

Oleh yang demikian, punca-punca ketegangan antara kaum dari segi penyusunan semula pekerjaan bersangkut paut dengan perniagaan – terutama sekali dari segi perusahaan jualan serta pengurusan perusahaan, yang sudah tentu melibatkan soal pemilikan dan penguasaannya – dan jawatan iktisas, yang juga melibatkan soal latihan dan pelajaran.

Maka, tidaklah menghairankan bahawa ketegangan antara kaum dari segi ini banyak berkait dengan soal peluang pelajaran dan latihan, peluang dan pengambilan untuk pekerjaan, soal kenaikan pangkat dan jawatan, dan peluang serta kemudahan perniagaan, yang kebanyakannya merupakan perkara yang melibatkan golongan menengah.

Dengan melaungkan cogankata-cogankata mengenai perlunya tindakan demi "memperseimbangkan perbezaan-perbezaan sosio-ekonomi antara kaum" di satu pihak, dan demi "mengujudkan susun lapis masyarakat mengikut kelayakan, kebolehan serta kemampuan" di pihak lain, pertentangan antara kaum adalah paling runcing di kalangan kelas menengah, yang tidak mempunyai banyak asas atau kepentingan bersama yang dapat mengeratkan kerjasama dan perpaduan.

Maka, tidaklah menghairankan bahawa kelas menengahlah yang banyak menyokong, malah memimpin gerakan-gerakan atau kegiatan-kegiatan kaum atau nasionalisme sempit.

Sebenarnya, gerakan yang bersifat perkauman ini juga menjadi alasan bagi kewujudan gerakan perkauman yang bertentangan, seolah-olah untuk mempertahankan dan membela kepentingan kaum (yang kononnya diwakili) terhadap cabaran serta ancaman yang dianggap adalah disebabkan oleh kaum lain.

Ini sudah semestinya akan membawa kepada pertentangan antara kaum yang lebih hebat kerana kepentingan-kepentingan yang terlibat tidak dapat ditolak ansur pada pokoknya.

Meskipun mereka tidak meramalkan akan berlaku rusuhan perkauman seperti peristiwa 13 Mei 1969 dahulu, tetapi tiada juga bukti yang dapat menjaminkan bahawa punca percanggahan antara kaum dapat diatasi, sama ada dalam jangkamasa pendek atau panjang.

Barangkali, bara bahaya ini akan terus hidup seperti api dalam sekam sambil menjadi sebahagian daripada cara hidup masyarakat kita.

Tetapi, keadaan sedemikian adalah merbahaya dan pilihan-pilihan sebenar yang masih terbuka kepada masyarakat kita adalah amat terhad.

Nampaknya, sesuatu gerakan rakyat yang benar-benar bersifat kebangsaan atau nasional (dan bukan berasaskan hanya pada satu kaum) tidak akan dapat sambutan umum yang hebat.

Tetapi, pada hemat mereka, tiada cara lain untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi; oleh itu, perkara ini harus menjadikan perkara utama dalam agenda kebangsaan.

Pada dasarnya, mengikut mereka, pilihan sebenar yang terbuka kepada kita bagi dasawarsa 1980an adalah antara kejahilan perkauman atau keadilan yang menyeluruh.

# Prinsip Pembahagian Baru Perlu

Prinsip agihan atau pembahagian pendapatan yang berdasarkan usaha seseorang patut diamalkan dalam usaha membasmi kemiskinan.

Dalam hubungan ini, soal ketidaksamaan pendapatan patut diutamakan soal garis kemiskinan tidak patut dipentingkan seperti berlaku sekarang..

"Jurang pendapatan antara lapisan-lapisan dalam tangga agihan pendapatan patut dirapatkan dan pendapatan yang berpunca dari sumber-sumber lain seperti darjat, pangkat, keistimewaan, rasuah dan harta termasuk modal dan tanah patut dikurangkan.

### Dasar

"Orang yang mempunyai banyak harta yang dikerjakan oleh orang lain tidak patut menikmati pendapatan lumayan dari titik peluh orang lain sedangkan orang yang rajin berusaha tetapi papa kedana dari segi harta patut dibantu supaya dapat menikmati taraf hidup yang lebih baik," kata Ishak Shari dan Jomo K.S. dalam kertas kerja mereka.

Kertas kerja itu bertajuk "Bolehkah Dasar Ekonomi Baru Mencapai Perpaduan Negara: Pembangunan dan Ketidaksamaan 25 Tahun Selepas Merdeka".

Menurut mereka, perbezaan pendapatan kecil akan berterusan dan tidak mungkin disamaratakan dalam jangka masa pendek kerana adanya perbezaan dari segi mutu dan nilai usaha setiap orang dan juga perlunya perangsang kebendaan.

"Tanggagaji perusahaan tidak boleh disamaratakan sekaligus bagi membolehkan para pakar, orang iktisas dan pekerja mahir terus berusaha demi kemajuan perusahaan.

Bagaimanapun, jurang agihan pendapatan kini tidak perlu untuk menjamin kemajuan ekonomi, dan juga tidak adil dari segi nilai etika, termasuk agama, yang menuntut keadilan.

Mereka juga mengesyorkan supaya dua langkah penting dilaksanakan dalam usaha meningkatkan pengeluaran petani, termasuk mengadakan projek pertanian secara berkelompok.

Di bidang perusahaan besar, terutama yang dikuasai oleh pelabur asing, para pekerja perusahaan itu sendiri patut mengambilalihnya bila mereka bersedia untuk mengusahakannya secara koperatif atas dasar 'demokrasi ekonomi'.

"Dengan langkah demikian, usaha untuk memiliknegarakan sesuatu perusahaan besar tidak akan menguntungkan majikan baru dalam perusahaan berkenaan atau para pentadbir yang menguasai urusannya.

# Nasinalisme Masih Relevan Selepas Kemerdekaan Asia Tenggara

Prof. Renato Constantino dari Filipino berkata bahawa negara-negara Asia Tenggara masih mengalami masaalah yang disebabkan oleh kolonialisme dan neokolonialisme.

Nasionalisme telah menjadi ideologi daya penggerak berbagai-bagai perjuangan pembebasan yang pernah mencapai kemenangan di beberapa negara Asia Tenggara.

Kini negara-negara Asean merupakan jajahan baru yang tertakluk kepada susunan ekonomi antarabangsa yang dibentuk oleh syarikat-syarikat antarabangsa.

Rancangan-rancangan ekonomi negara-negara ASEAN sebenarnya disiapkan di Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dengan beberapa negara peminjam, terutamanya Amerika Syarikat dan Jepun.

Pada zaman dahulu, perjuangan kebangsaan di Asia Tenggara menuntut kemerdekaan politik, nasionalisme adalah reaksi rakyat yang tertakluk kepada penindasan penjajah, iaitu pemerintahan politik penjajah.

Hari ini, penindasan negara masih berterusan, dengan pemerintahan ekonomi ASEAN oleh syarikat-syarikat antarabangsa dari negara-negara maju.

Nasionalisme menuntut kemerdekaan pada dasarnya, tetapi matlamat masakini adalah kemerdekaan ekonomi oleh kerana kemerdekaan adalah terhad jika ekonomi dikuasai oleh kuasa-kuasa asing.

Banyak kajian mengisahkan tentang ketidaksamaan sosial, pemerintahan kelas, penindasan dan sebagainya di negara-negara Dunia Ketiga.

Terdapat juga pendedahan sikap kuasa-kuasa Barat dan syarikat-syarikat antarabangsa yang giat melakukan pencerobohan budaya dan manipulasi politik.

Semua ini menunjukkan perhubungan yang saling berkait, sebagai aspek-aspek sifat imperialisme, dan seterusnya penindasan kebangsaan. Misalnya, soal hak-hak asasi manusia harus dikaji dalam perspektif lebih besar.

Pemerintah - pemerintah Dunia Ketiga yang disokong oleh Amerika Syarikat dan negara-negara imperialis lain ialah regim-regim yang boleh membekalkan tenaga buruh yang murah dan rajin kepada syarikat-syarikat antarabangsa.

Negara-negara ini sudi berhutang supaya dapat membekalkan syarikat-syarikat antarabangsa dengan infrastruktur yang moden, memberi lepasan cukai kepada syarikat-syarikat antarabangsa dan insentif dan hak instimewa lain yang mengepikan peniaga-peniaga tempatan.

Akhirnya, mereka menjaminkan kestabilan dan keamanan dengan penindasan golongan pembangkang.

Regim-regim begini biasanya bersifat berkuku besi dengan angkatan tentera yang serba lengkap. Oleh yang demikian, keperluan pemodal-pemodal asing untuk kestabilan politik mengakibatkan pencerobohan hak-hak asasi kemanusiaan dalam negeri. Justru itu, penindasan nasional menjadi punca banyak penindasan lain.

Dengan berbagai cara dan berbagai sikap, kebanyakan negara Asean terpaksa menyesuaikan diri menurut kehendak ekonomi dunia dengan merancangkan strategi politik untuk kepentingan sendiri.

Di samping itu, regim-regim juga bertindak mengikut tekanan dalam negeri dari rakyat sendiri yang menderita kemiskinan dan seterusnya menyedari tentang keperluan dan hak pembebasan sosial mereka.

Nasionalisme sebagai ideologi pembebasan harus mempunyai dua ciri asas: nasionalisme yang berasaskan massa dan bermaksud antiimperialisme.

Nasionalisme sebagai ideologi massa yang bersikap anti-imperialis harus berusaha untuk menjaminkan hasil kerja rakyat dapat menambahkan tabung kebangsaan untuk pelaburan awam dan membekalkan perkhidmatan yang perlu kepada rakyat supaya tidak dibawa ke negara-negara lain.

Oleh itu, Nasionalisme, ialah satu peringkat peralihan di mana berbagai lapisan sosial – seperti para pekerja, petani, borjuis kecil, kaum intelek, para kapitalis tempatn dan sebagainya – boleh bersatupadu untuk tujuan yang sama.

Apa yang penting ialah penyertaan rakyat secara demokratik dalam usaha perpaduan kebangsaan dengan sokongan yang popular.

Dalam keadaan ini, dasar berdikari secara kolektif yang berdasarkan kepentingan rakyat Asean adalah jalan yang paling baik.

Bagi tujuan ini, Asean harus menggalakkan penyertaan negara-negara Indocina dan menentang percubaan golongan imperialis menghasutkan konfrontasi dengan negara-negara jiran.

Penindasan imperialis adalah hakikat bagi Asean. Pembebasan dari kemunduran bererti pembebasan dari imperialisme.

Ini tidak akan berlaku tanpa membangkitkan kesedaran rakyat negara-negara Asean dalam perjuangan pembebasan.

Namun, pembebasan nasional hanya merupakan satu alat untuk kemajuan manusia dan masyarakat, iaitu satu peringkat ke arah pembebasan sosial, persamaan, kemajuan dan kebebasan untuk semua rakyat, dan penghapusan segala penindasan dan eksploitasi.

# Pola Perindustrian Tidak Dapat Memperbaiki Hubungan Antara Kaum

Mengikut Dr. Anuwar Ali, pensyarah Fakulti Ekonomi, UKM, matlamat kedua Dasar Ekonomi Baru (BED) – iaitu penyusunan semula masyarakat supaya pengenalan kaum dengan kedudukan ekonomi dapat dihapuskan – mempunyai pertalian yang rapat dengan pertumbuhan sektor-perindustrian, dari segi pelaburan dan pekerjaan.

**Corak Gunatenaga dan Pemilikan Harta**

Dalam bidang pekerjaan, keutamaan ditujukan kepada usaha-usaha untuk menambahkan penyertaan orang-orang Melayu dalam aktiviti-aktiviti bandar; sektor perindustrian memainkan peranan penting dari segi ini.

Pemodal asing dan tempatan serta perusahaan awam dianggap sebagai penggerak utama untuk tujuan ini.

Walaupun begitu, sebahagian besar tenaga pekerja Melayu terdapat di peringkat bawah. Hanya mereka yang berkelayakan tinggi dapat mengambil kedudukan tinggi; tetapi bilangannya masih kecil.

Sementara itu, penghijrahan pemuda-pemudi dari luarbandar dan masalah pengangguran terbuka bermakna golongan pemodal boleh mengambil kesempatan untuk menindas mereka yang tidak mempunyai kemahiran dengan membayar upah yang rendah.

Penindasan ini berlaku ke atas semua pekerja tanpa mengira kaum. Oleh yang demikian, penyusunan semula masyarakat dari segi struktur gunatenaga mestilah juga patut meliputi struktur upah supaya perbezaan pendapatan dapat dikurangkan.

